

## Permintaan Insurans Am Syarikat Insurans Am di Malaysia

Mustazar Mansur<sup>1</sup>, Prof Madya Dr Alias Radam<sup>2</sup> and Mohd Zukime Mat Junoh<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Pasaran insurans di Malaysia semakin kompetitif sejak berlaku krisis ekonomi serta wujudnya kepentingan elemen kesovenan setiap syarikat terhadap keyakinan pemegang insurans. Malah, terdapat syarikat insurans yang tersohor di pasaran terpaksa mengambil tindakan untuk dijual atau diambil alih akibat masalah kewangan atau keberhutangan syarikat mereka. Maka, setiap syarikat perlu tahu atau sedar bahawa penguasaan pasaran (penumpuan pasaran) yang tinggi tidak menjamin keutuhan atau prestasi yang baik pada masa depan. Penumpuan pasaran ini disokong oleh faktor-faktor permintaan ke atas pelbagai jenis insuran am yang ditawarkan oleh setiap firma. Titik tolak dari permasalah tersebut, kajian ini cuba menganalisis hubungan antara faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan atau pembelian insurans am dengan kecekapan atau prestasi firma dalam industri ini di pasaran. Akhter & Rehman (2011) yang menganalisis prestasi kewangan industri insurans di Pakistan telah mengenalpasti beberapa petunjuk ekonomi utama yang mencipta permintaan insurans. Faktor-faktor ini telah menyumbang pencapaian kejayaan jangka panjang dan kelestarian pembangunan ekonomi di pasaran insurans. Manakala Cole et al (2009) pula cuba menguji teori permintaan perkhidmatan kewangan di pasaran yang luas tetapi kadar penumpuan pasaran yang masih rendah seperti di India dan Indonesia. Keputusan kajian mereka menunjukkan wujudnya kolerasi kuat antara literasi kewangan dan tingkahlaku pengguna di pasaran. Namun, program pendidikan kewangan di negara tersebut hanya mempunyai kesan sederhana, di samping peningkatan permintaan akaun bank yang perlahan yang disebabkan oleh tahap pendidikan atau literasi kewangannya yang masih rendah. Wong Mei Foong (2002) yang mengkaji permintaan insurans hayat di Malaysia menunjukkan terdapat beberapa faktor makroekonomi yang mempengaruhi permintaan agregat insurans am di Malaysia. Secara umumnya terdapat beberapa pembolehubah akan digunakan untuk mengukur setiap elemen tersebut serta melihat hubungkait antara dua elemen tersebut. Menurut V.L.Bajtelsmit & R.Bouzouita (1998) terdapat hubungan signifikan yang positif antara kesan penumpuan pasaran ke atas keuntungan syarikat insurans kenderaan di US antara tahun 1984 hingga tahun 1992. Permasalahan ini cuba dirungkai menggunakan Model Regresi Berbilang untuk melihat hubungan beberapa pembolehubah utama dengan pembolehubah-pembolehubah lain. Keputusan kajian ini mendapati hanya faktor produktiviti iaitu nisbah produktiviti pengurusan (MPR) dan nisbah produktiviti buruh (LPR) yang mempengaruhi secara*

<sup>1</sup>MUSTAZAR BIN MANSUR, Universiti Kebangsaan Malaysia, E-mel: mustazar@ukm.my

<sup>2</sup>PROF MADYA DR ALIAS RADAM, Universiti Putra Malaysia, E-mel: alias@upm.edu.my

<sup>3</sup>MOHD ZUKIME MAT JUNOH, Universiti Malaysia Perlis, E-mel: mohd.zukime@yahoo.com.my

*signifikan ke atas permintaan insurans am di pasaran. Selain itu, terdapat empat faktor lain yang signifikan iaitu tingkat pendapatan perkapita (YPK), indeks harga pengguna (IHP), jumlah kenderaan didaftar (CAR) dan jumlah pendidikan tinggi (STR), namun data makroekonomi lain adalah tidak signifikan.*

*JEL Classification : C32, L10, L89*

**KATA KUNCI:** Struktur Pasaran, Gelagat Firma, Petunjuk Produktiviti& Industri Insurans.

## 1. PENGENALAN

Bank Negara Malaysia mentakrifkan insurans sebagai pemindahan risiko oleh seseorang individu atau sesebuah organisasi (dikenali sebagai pemegang polisi) kepada syarikat insurans. Sebagai balasan, syarikat insurans menerima bayaran di dalam bentuk premium. Sekiranya pemegang polisi menanggung kerugian, syarikat insurans akan membayar pampasan terhadap kerugian atau kerosakan tersebut. Insurans juga ditakrifkan sebagai satu instrumen yang diguna bagi mengurangkan risiko melalui gabungan sejumlah nilai yang mencukupi agar kerugian individu yang dijangka dapat ditanggung bersama. Dalam proses insurans ini, ketidaktentuan dapat dikurangkan dan jika berlaku kerugian ia akan ditanggung bersama.

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), industri insurans telah mencapai pertumbuhan yang ketara pada tahun 90-an. Jumlah modal berbayar penanggung-penanggung insurans yang diperbadankan di Malaysia telah meningkat lebih daripada lima kali ganda daripada RM0.6 bilion pada akhir tahun 1988 kepada RM3.4 bilion pada akhir tahun 1998. Aset kumpulan wang insurans dan jumlah pendapatan premium bagi sektor insurans hayat dan am juga turut meningkat pada kadar yang serupa daripada hanya RM7 bilion dan RM2.1 bilion masing-masing kepada RM38.7 bilion dan RM10.9 bilion dalam tempoh yang sama, iaitu melebihi kadar pertumbuhan purata Keluaran Negara Kasar (KNK).

Pada tahun 2001, industri insurans am mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.8% dari segi premium langsung kasar kepada RM6,405.7 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak 8.2% pada tahun 2000. Sektor motor terus menguasai dan merupakan 48.1% daripada premium langsung kasar industri insurans am. Selaras dengan peningkatan dalam premium bersih, nisbah bendungan bersih industri terus meningkat untuk mencapai 90.3% daripada 89.3% pada tahun 2000. Nisbah tuntutan keseluruhan industri insurans am menurun kepada 62.4% pada tahun 2001 (2000: 63.4%). Hal ini disebabkan oleh peruntukan yang rendah yang dibuat bagi tuntutan dan bukannya disebabkan oleh pemulihan pengalaman

tuntutan. Margin pengunderaitan penanggung insurans menjadi bertambah baik sebanyak 27.8% kepada RM192.4 juta berbanding dengan RM150.5 juta pada tahun 2000. Berserta dengan masuk kira semula peruntukan bagi pengurangan nilai sekuriti korporat dan hutang, perolehan semula hutang lapuk, penjualan aset dan pelaburan, keuntungan kendalian industri insurans am meningkat dengan ketara kepada RM767.4 juta. Jumlah aset kumpulan wang insurans am tumbuh sebanyak 6.8% untuk mencapai RM14,926.2 juta.

Bahagian Insurans Am mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 25.2% dalam jumlah premium diperoleh kasar kepada RM521.7 juta (2009: RM416.6 juta). Perniagaan motor dan premium bukan motor, masing-masing meningkat sebanyak 38.5% kepada RM292.9 juta (2009: RM211.5 juta) dan 11.6% kepada RM228.8 juta (2009: RM205.1 juta). Pada tahun yang dilaporkan, nisbah tuntutan juga bertambah baik pada kadar 65.3% (2009: 68.3%). Nisbah tuntutan lebih baik ini merupakan hasil tindakan strategik berterusan sejak beberapa tahun lepas untuk beralih daripada perniagaan yang tidak menguntungkan. Walaupun dengan nisbah tuntutan yang lebih baik, bahagian ini telah mencatatkan jumlah pendapatan pelaburan bersih, untung atau rugi daripada jualan pelaburan dan perubahan nilai saksama bagi portfolio pelaburan lebih rendah berjumlah RM36.5 juta (2009: RM45.2 juta). Pendapatan yang lebih rendah ini adalah terutamanya disebabkan oleh pelupusan beberapa aset pelaburan bernilai RM85.0 juta oleh Bahagian Insurans Am kepada Dana Pemegang Saham pada tahun yang dilaporkan untuk menjelaskan hutang antara dana. Berbekalkan jumlah premium diperoleh kasar yang lebih tinggi dan nisbah tuntutan lebih baik, Bahagian Insurans Am telah memulihkan operasi daripada kerugian taja jamin RM7.9 juta pada 2009 hingga mencatatkan keuntungan taja jamin RM13.8 juta pada 2010. Bagi tahun yang dilaporkan, Bahagian Insurans Am mencatatkan keuntungan sebelum cukai RM55.5 juta, kenaikan 48.0% yang membanggakan berbanding keuntungan sebelum cukai RM37.5 juta pada 2009.

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2012, PIDM mencatatkan pendapatan berjumlah RM263 juta terdiri daripada RM214.3 juta bagi premium dan RM48.7 juta bagi pendapatan pelaburan, berbanding pendapatan dibajetkan sebanyak RM248.7 juta. Perbelanjaan operasi berjumlah RM75.3 juta berbanding bajet RM95 juta, iaitu perbezaan positif sebanyak 21%. Hasilnya, lebihan bersih PIDM bagi tahun tersebut berjumlah RM187.7 juta.

Terdapat dua isu yang timbul dalam kajian ini iaitu yang pertama, mengapa hampir setiap tahun syarikat insurans mengalami kerugian. Dari data yang diperolehi setiap tahun syarikat insurans mengalami kerugian sedangkan semakin hari pengguna semakin mengetahui bahawa insurans adalah sangat penting dalam keperluan. Isu kedua ialah adakah permintaan insurans di Malaysia bergantung pada jenis insurans am yang ditawarkan? Berdasarkan jadual 1 di bawah, terdapat lapan jenis insurans am yang ditawarkan di pasaran di mana

insurans am bagi kenderaan bermotor mencapai peratusan melebihi 52% setiap tahun. Insurans ini adalah wajib bagi setiap pemilik kenderaan di Malaysia sama ada kenderaan persendirian mahupun kenderaan komersial, manakala premium insurans am kedua terbesar adalah insurans am kebakaran. Setiap tahun jenis insurans am ini menyumbang hasil kepada syarikat insurans am sebanyak 15% dan ke atas setiap tahun. Insurans ini pula adalah wajib diperbaharui oleh setiap pemilik premis terutamanya premis atau bangunan komersial. Terdapat enam jenis insurans am yang lain, iaitu insurans am perubatan, kejuruteraan, liabiliti, pekerja, maritim dan penerbangan.

Jadual 1a: Jenis Premium Insurans Am di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2010  
(RM'000)

Tahun	MAT	ENG	FIRE	MED	MOT	LIB	EMP	MIS
2000	231,948	126,584	917,683	493,046	2,462,497	59,506	74,996	247,848
2001	219,386	140,707	945,656	509,969	2,648,333	69,466	79,838	238,085
2002	245,917	128,767	925,822	573,145	2,974,466	65,916	72,514	249,261
2003	260,404	157,632	1,012,462	625,007	3,240,232	98,413	79,340	276,328
2004	267,082	183,913	1,075,189	708,801	3,569,035	125,236	95,706	305,863
2005	329,374	247,679	1,096,213	796,026	3,813,991	131,878	105,459	317,798
2006	331,827	219,133	1,272,618	890,765	4,189,476	128,250	113,138	337,725
2007	358,831	193,527	1,252,659	989,780	4,347,576	155,045	123,605	353,200
2008	398,006	211,721	1,290,342	1,039,953	4,267,197	163,232	130,378	384,764
2009	422,419	219,392	1,377,968	1,221,462	4,584,584	180,384	143,017	417,319
2010	402,611	233,222	1,472,697	1,334,572	4,591,061	187,310	139,676	428,004

Sumber: Ubahsuai dari Laporan Tahunan Pelbagai Tahun BNM, Malaysia.

## 2. KAJIAN LEPAS

Akhter & Rehman (2011) yang menganalisis prestasi kewangan industri insurans di Pakistan telah mengenalpasti beberapa petunjuk ekonomi utama yang mencipta permintaan insurans. Faktor-faktor ini telah menyumbang pencapaian kejayaan jangka panjang dan kelestorian pembangunan ekonomi di pasaran insurans, manakala Cole, *et al.*, (2009) pula cuba menguji teori permintaan perkhidmatan kewangan di pasaran yang luas, tetapi kadar penumpuan pasaran yang masih rendah seperti di India dan Indonesia. Keputusan kajian mereka menunjukkan wujudnya kolerasi kuat antara literasi kewangan dan tingkah laku pengguna di pasaran. Namun program pendidikan kewangan di negara tersebut hanya mempunyai kesan sederhana, di samping peningkatan permintaan akaun bank yang perlahan yang disebabkan oleh tahap pendidikan atau literasi kewangan yang masih rendah. Wong Mei Foong (2002) pula yang mengkaji

permintaan insurans hayat di Malaysia menunjukkan terdapat beberapa faktor makroekonomi yang mempengaruhi permintaan agregat insurans am di Malaysia. Secara umumnya terdapat beberapa pembolehubah akan digunakan untuk mengukur setiap elemen tersebut serta melihat hubungkait antara dua elemen tersebut. Menurut V.L.Bajtelsmit & R.Bouzouita (1998) terdapat hubungan signifikan yang positif antara kesan penumpuan pasaran ke atas keuntungan syarikat insurans kenderaan di US antara tahun 1984 hingga tahun 1992.

Manakala terdapat beberapa kajian yang mengkaji tentang kecekapan syarikat insurans, antaranya kajian oleh Rubayah & Zaidi (2008) mengkaji tentang kecekapan dalam kekangan syarikat insurans hayat dan hubungan di antara kesolvenan dan kecekapan di dalam pasaran insurans. Hasil kajian menunjukkan bahawa ketidakcekapan input (ketidakcekapan teknikal) menyebabkan syarikat insurans hayat tidak dapat beroperasi pada tahap kecekapan maksimum, namun begitu terdapat beberapa syarikat yang mempunyai prestasi yang baik terutamanya syarikat yang memperolehi skor kecekapan melebihi 0.9. Selain itu, saiz dan kecekapan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesolvenan. Semakin tinggi tahap kecekapan sesebuah syarikat insurans menunjukkan bahawa tahap kesolvenan juga menjadi lebih baik sementara jumlah aset syarikat yang lebih kecil (saiz syarikat yang lebih kecil) akan menyebabkan syarikat berkenaan mudah untuk mengalami tahap kesolvenan yang lebih baik.

Selain itu, terdapat pengkaji yang mengkaji hubungan antara ketidakcekapan kos dan keuntungan syarikat insurans hayat antaranya Greene dan Segal (2004) dalam kajiannya yang bertajuk "*Profitability and Efficiency in the U.S. Life Insurance Industry*". Mereka mendakwa bahawa dalam pasaran insurans yang matang dan persaingan yang tinggi, kecekapan sangat penting dalam menentukan keuntungan syarikat insurans. Greene dan Segal menganggar kecekapan melalui analisis perbatasan stokastik. Daripada hasil kajian mereka mendapati bahawa industri adalah pada purata 20% tidak cekap. Selain faktor kecekapan, mereka juga mengkaji hubungan keuntungan dengan bentuk syarikat, saiz, lini produk dan pertumbuhan yang diwakili oleh premium langsung. Menurut Shun (1996) pula penganggar kesolvenan yang paling baik ialah keuntungan.

Bajtelsmit, V.L. & Bouzouita, R. (1998) dalam kajiannya yang bertajuk "*Profit and Concentration in Commercial Automobile Insurance Lines*" menyatakan perletakan harga bagi insurans am lebih kompetitif berbanding insurans hayat. Mereka telah menguji dan membuktikan wujudnya hubungan positif antara nisbah penumpuan pasaran atau struktur pasaran dengan nilai keuntungan firma. Pengkaji turut mendapati terdapat penentu lain yang akan meningkatkan keuntungan firma seperti syer pasaran, pertumbuhan produktiviti serta kadar faedah. William.H.G & Don.S. (2004) juga telah melakukan kajian yang sama di Amerika Syarikat. Keputusan yang diperolehi

membuktikan bahawa kos kecekapan dalam industri insurans hayat adalah lebih besar berbanding keuntungan yang diterima oleh organisasi dan ini menunjukkan bahawa ketidakcekapan berhubungan secara negatif dengan keuntungan. Kesimpulannya, secara purata terdapat sebanyak 20% organisasi dalam industri insurans hayat di Amerika Syarikat adalah berada dalam keadaan yang tidak cekap.

Faktor-faktor ekonomi lebih mempengaruhi penggunaan dan permintaan terhadap insurans, ia dibuktikan dengan beberapa kajian termasuklah kajian daripada Thorsten Beck dan Ian Webb (2003) dalam kajiannya yang bertajuk "*Economic, Demographic and Institutional Determinants of Life Insurance Consumption across Countries*" mengkaji tentang penentu ekonomi, demografi dan institusi dalam penggunaan insurans hayat di seluruh 68 buah negara (termasuk Malaysia). Didapati yang petunjuk ekonomi seperti inflasi, pendapatan per kapita dan sektor pembangunan perbankan, serta agama dan petunjuk institusi adalah ramalan yang paling kukuh dalam penggunaan insurans hayat. Keputusan kajian menunjukkan kedua-dua petunjuk ekonomi dan institusi adalah lebih mempengaruhi penggunaan insurans hayat berbanding dengan petunjuk demografi.

Termasuk juga kajian oleh Chee Chee Lim dan Steven Haberman (2002) yang bertajuk "*Macroeconomic Variables and the Demand for Life Insurance in Malaysia*" yang mengkaji interaksi antara pembolehubah makroekonomi dan demografi (iaitu pembangunan kewangan, pendapatan, inflasi, kadar faedah, harga, pulangan pasaran saham, kadar kelahiran, kadar kematian, kadar kesuburan dan jangka hayat) dan permintaan untuk insurans hayat (dengan jumlah wang yang diinsuranskan) untuk membuktikan hubungan penentu-penentu tersebut dalam konteks Malaysia. Penemuan utama kajiannya menunjukkan bahawa kadar deposit simpanan dan perubahan harga dalam insurans adalah dua pembolehubah makroekonomi penting yang berkaitan dengan permintaan untuk insurans hayat di Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil dapatan kepada kadar deposit simpanan itu menunjukkan hubungan negatif. Kajian daripada Sibel Celik dan Mustafa Mesut Kayali (2009) yang bertajuk "*Determinants of demand for life insurance in European countries*" dapat dirumuskan bahawa pendapatan merupakan penentu yang penting dalam memberi kesan kepada penggunaan insurans hayat. Walaupun kajian sebelum ini mendapati bahawa terdapat hubungan antara pendidikan dan permintaan terhadap insurans hayat, penentu pemboleh ubah pendidikan adalah negatif dalam kajian ini. Di samping itu, permintaan untuk insurans hayat berkurangan dalam tempoh inflasi.

Manakala dalam kajian Shiu (2005), kedua-dua faktor iaitu faktor dalam syarikat dan faktor luaran telah dikenal pasti sebagai faktor-faktor penentu kepada kesolvenan syarikat insurans hayat di United Kingdom. Faktor-faktor

dalaman syarikat dalam kajian Shiu antaranya ialah nilai bon kepada jumlah aset, ekuiti kepada jumlah aset dan perniagaan baru. Faktor-faktor luaran pula ialah inflasi, kadar faedah dan persaingan.

### 3. OBJEKTIF KAJIAN

Persoalan utama kajian adalah kenapakah hampir setiap tahun masih ada syarikat insurans am di Malaysia yang mengalami kerugian? Berbeza dengan insurans hayat, permintaan insurans am lebih konsisten permintaan kerana setiap pemilikan aset di pasaran adalah wajib mempunyai polisi insurans. Maka, apakah faktor yang sebenarnya mempengaruhi permintaan insurans am di Malaysia? Adakah produktiviti syarikat merupakan faktor yang boleh mempengaruhi permintaan insurans am atau insurans am di pasaran? Berdasarkan permasalahan ini kajian ini mempunyai dua objektif khusus, iaitu:

1. Apakah faktor yang mempengaruhi permintaan insurans am di Malaysia?
2. Apakah hubungan antara faktor-faktor tersebut dengan permintaan insurans am di Malaysia?

### 4. METODOLOGI

Model yang digunakan dalam kajian ini merupakan model regresi linear berbilang. Dalam kajian ini, satu model dikaji iaitu model bagi mengkaji faktor yang mempengaruhi permintaan insurans am di Malaysia. Satu pemboleh ubah yang dikaji merupakan pemboleh ubah bersandar. Semua faktor tidak bersandar akan menjelaskan variasi dalam pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar juga merupakan penentu kepada pemboleh ubah bersandar sama ada ia positif atau negatif. Apabila satu unit meningkat dalam pemboleh ubah tidak bersandar, maka akan meningkatkan atau menurunkan pemboleh ubah bersandar. Dalam kajian ini, terdapat sebelas pemboleh ubah tidak bersandar menjadi penentu dalam analisis ini.

$$\begin{aligned}\log RPRe_{it} = & \alpha_0 \\& + \alpha_1 \log(YPK_t) + \alpha_2 \log(IPP_t) + \alpha_3 \log(IHP_t) + \alpha_4 \log(CAR_t) \\& + \alpha_5 \log(NX_t) + \alpha_6 \log(STR_{it}) \\& + \alpha_7 \log(NOS_t) + \alpha_8 \log(PT_{it}) \\& + \alpha_9 \log(MPR_{it}) + \alpha_{10} \log(LPR_{it}) + \alpha_{11} \log(RES_t) + \theta_{it}\end{aligned}$$

Di mana,

RPRE = Jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar

YPK = Pendapatan Perkapita

IPP = Indeks Pengeluaran Perindustrian

IHP = Indeks Harga Pengguna

CAR = Jumlah Kenderaan Berdaftar

NX	= Eksport Bersih
STR	= Penduduk Berpendidikan Tertinggi
NOS	= Jumlah Penduduk Tiada Pendidikan
PT	= Keuntungan Firma
MPR	= Nisbah Produktiviti Pengurusan
LPR	= Nisbah Produktiviti Buruh
RES	= Jumlah Penduduk

Walau bagaimanapun, sama ada kesemua pemboleh ubah penjelas mempengaruhi pemboleh ubah bersandar secara kolektif boleh ditentukan dengan  $R^2$ . Pada umumnya, nilai  $R^2$  mengukur tahap kebaikan padanan garisan regresi dengan data siri masa secara keseluruhannya. Sekiranya  $R^2$  mempunyai nilai yang rendah, ini bererti keupayaan perubahan dipengaruhi oleh pemboleh ubah rawak. Sebaliknya, nilai  $R^2$  yang tinggi memberi maklumat bahawa pemboleh ubah penjelas mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menerangkan perubahan pemboleh ubah bersandar. Nilai  $R^2$  merupakan peratusan daripada perubahan keseluruhan pemboleh ubah bersandar yang diterangkan oleh pemboleh ubah penjelas. Selain itu, Pekali penentu terselaras ( $\bar{R}^2$ ) berperanan untuk mengimbangi  $R^2$  yang tidak mengambil kira kehilangan darjah kebebasan ( $df$ ) apabila semakin banyak bilangan parameter akibat daripada pertambahan bilangan pemboleh ubah bebas yang dianggar. Semakin banyak bilangan pemboleh ubah bebas, semakin tinggi nilai  $R^2$  tetapi darjah kebebasan semakin kecil kerana pertambahan bilangan parameter. Oleh itu, pekali penentu terselaras ( $\bar{R}^2$ ) digunakan untuk imbangi keelokan padan sesuatu model agar tidak tersalah tafsir.

## 5. ANALISIS DISKRIPTIF DATA

Sampel data yang digunakan untuk membuat analisis kajian ini adalah sumber premier dari 42 tahun dari tahun 1970 hingga tahun 2012. Data juga diambil dari sebanyak 96 syarikat yang berdaftar sebagai syarikat insurans, tetapi jumlah syarikat tidak seimbang setiap tahun (*unbalance panel data*). Data dibahagikan mengikut tahun dan syarikat yang berdaftar. Hal ini demikian kerana bukan semua syarikat menjalankan perniagaan sepanjang 42 tahun tersebut akibat dari permulaan pembukaan perniagaan yang lambat atau penggabungan serta pembubaran syarikat mereka. Jumlah syarikat insurans adalah tinggi pada tahun 1976 dengan sebanyak 77 syarikat insurans yang bertapak di Malaysia. Namun, jumlah itu menunjukkan penurunan dari tahun ke tahun akibat keadaan ekonomi Malaysia yang tidak menentu. Setakat tahun 2012, hanya terdapat 27 syarikat insurans di Malaysia.

Jadual 2: Bilangan Syarikat Insurans Am di Malaysia

Tahun	Bilangan syarikat insurans am	Tahun	Bilangan syarikat insurans am
1970	69	1992	55
1971	70	1993	55
1972	74	1994	55
1973	73	1995	54
1974	73	1996	53
1975	75	1997	53
1976	77	1998	53
1977	68	1999	53
1978	64	2000	53
1979	62	2001	50
1980	62	2002	47
1981	60	2003	45
1982	61	2004	38
1983	61	2005	38
1984	61	2006	37
1985	59	2007	37
1986	58	2008	35
1987	57	2009	34
1988	57	2010	30
1989	57	2011	30
1990	56	2012	27
1991	55		

Sumber: Ubahsuai dari Laporan Tahunan Pelbagai Tahun BNM, Malaysia.

## 6. HASIL KAJIAN

Jadual 3 menunjukkan keputusan t-statistik dan signifikan bagi model kajian untuk keseluruhan pemboleh ubah tersebut. Bagi model ini, pemboleh ubah tidak bersandar iaitu Nisbah Produktiviti Pengurusan (MPR), Nisbah Produktiviti Buruh (LPR) dan Keuntungan Firma (PT) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan permintaan insurans am pada paras keyakinan 99%, manakala jumlah Kenderaan Berdaftar (CAR), Penduduk Berpendidikan Tinggi (STR), Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Pendapatan Perkapita (YPK) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan permintaan insurans am pada paras keyakinan 95% dan 90%. Bagi pemboleh ubah lain seperti Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Eksport Bersih (NX), Jumlah Penduduk Tiada Pendidikan (NOS) dan Jumlah Penduduk (RES) tidak mempunyai signifikan dengan permintaan insurans am di Malaysia.

Dapat merumuskan bahawa Jumlah Kenderaan Berdaftar (CAR), Indeks Harga Pengguna (IHP), Eksport Bersih (NX) dan Penduduk Tiada Pendidikan (NOS) berhubung negatif dengan permintaan insurans am di pasaran, manakala faktor lain seperti Jumlah Penduduk (RES), Berpendidikan Tinggi (STR), Keuntungan Firma (TP), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Nisbah Produktiviti Buruh (LPR), Nisbah Produktiviti Pengurusan (MPR) dan Pendapatan Perkapita (YPK) berhubung positif dengan permintaan insurans am.

Ujian t menunjukkan beberapa pemboleh ubah bebas yang mempunyai hubungan signifikan dengan permintaan insurans am pada aras keertian 1% seperti Nisbah Produktiviti Pengurusan (MPR), Nisbah Produktiviti Buruh (LPR) dan Keuntungan Firma (PT). Pemboleh ubah-pemboleh ubah bebas ini mempunyai perkaitan signifikan pada paras keyakinan 99%.

Jadual 3: Hasil Regresi Fungsi Permintaan Insurans Am

Pembolehubah	Model
KONSTAN	1.736678 (2.592381)
LOG(YPK)	0.552106*** (0.301920)
LOG(IPP)	0.225471 (0.360657)
IHP	-0.006762** (-0.002947)
LOG(CAR)	-0.353785** (-0.137351)

LOG(NX)	-0.017129 (-0.014472)
LOG(STR)	0.882680** (0.347472)
LOG(NOS)	-0.469461 (-0.661796)
LOG(PT)	0.024323* (0.007052)
LOG(MPR)	1.338855* (0.060991)
LOG(LPR)	0.114440* (0.030804)
LOG(RES)	0.156535 (0.102796)

Nota: \* signifikan pada aras keertian 1%  
 \*\* signifikan pada aras keertian 5%  
 \*\*\* signifikan pada aras keertian 10%

Manakala bagi indeks harga pengguna (IHP) bahawa Jumlah Kenderaan Berdaftar (CAR), Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Berpendidikan Tinggi (STR) mempunyai perkaitan signifikan pada paras keyakinan 95%, iaitu wujud hubungan signifikan dengan permintaan insurans am pada aras keertian 5%. Bagi pemboleh ubah lain seperti Jumlah Penduduk (RES), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Eksport Bersih (NX), dan Jumlah Penduduk Tiada Pendidikan (NOS) tidak mempunyai perkaitan signifikan dengan permintaan insurans am yang dapat dijelaskan kerana berhubungan negatif dengan permintaan insurans am.

Jadual 4 : Keputusan Ujian F dan Keputusan Rumusan Fungsi Linear

	Nilai F	Nilai P	R <sup>2</sup>	Adjusted R <sup>2</sup>
Model	203.4007*	0.0000	0.675667	0.672345

Nota : \* signifikan pada aras keertian 1%

Ujian F pula menunjukkan keseluruhan persamaan bagi model ini adalah signifikan pada paras keyakinan 99%. Pengiraan “Coefficient of determination” (R<sup>2</sup>) pula menunjukkan nilai 67.6% kekuatan pemboleh ubah bebas mempengaruhi permintaan insurans am atau jumlah premium terperoleh (PRE). Ini menyatakan 67.6% pemboleh ubah yang digunakan dapat menjelaskan

Premium Insurans Am Terperoleh benar. Ini bermaksud 67.6% variasi dalam permintaan insurans am adalah dipengaruhi oleh sebelas faktor yang dikaji. Ini menyatakan 67.6% pemboleh ubah yang digunakan dapat menjelaskan permintaan insurans am oleh syarikat insurans am di Malaysia.

## 7. RUMUSAN DAN IMPLIKASI DASAR

Kajian ini menjalankan analisis tentang hubungan regresi antara Jumlah Kenderaan Berdaftar (CAR), Eksport Bersih (NX), Indeks Harga Pengguna (IHP), Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Nisbah produktiviti buruh (LPR), Nisbah produktiviti pengurusan (MPR), Penduduk Tiada Pendidikan (NOS), Jumlah Penduduk (RES), Penduduk Berpendidikan Tinggi (STR), Pendapatan per kapita (YPK) terhadap Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) syarikat insurans am di Malaysia.

Berdasarkan keputusan Ujian OLS bagi model ini menunjukkan apabila pertumbuhan Pendapatan Perkapita (YPK) meningkat sebanyak 1 peratus, ini akan meningkatkan pertumbuhan Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) sebanyak 0.552 peratus. Apabila tingkat pendapatan perkapita meningkat, maka penduduk Malaysia mempunyai kuasa beli yang lebih tinggi ke atas aset tetap seperti kenderaan, bangunan atau perumahan. Peningkatan pemilikan aset ini akan meningkatkan jumlah premium insurans yang harus dibayar. Selain itu, lebihan pendapatan turut meningkatkan pemilikan insurans am perubatan di pasaran untuk tujuan awasan atau tabungan pada masa depan.

Sebaliknya, model menunjukkan apabila berlaku peningkatan Indeks Harga Pengguna sebanyak 1 peratus, ini akan menurunkan pertumbuhan jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) sebanyak 0.0067 peratus. Hal ini demikian kerana peningkatan harga umum akibat kenaikan IHP akan memberi kesan ke atas jumlah premium yang diperolehi oleh syarikat di pasaran. Keadaan yang sama berlaku pada pembolehubah Eksport Bersih (NX) dan Penduduk Tiada Pendidikan (NOS). Peningkatan eksport bersih akibat peningkatan eksport berbanding import menyebabkan penerimaan atau permintaan insurans am oleh firma Malaysia berkurangan. Ini berkait rapat dengan penerimaan Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) bagi insurans am Maritime, Aviation and Transportation (MAT). Apabila jumlah transaksi perdagangan antarabangsa berkurangan, maka perkhidmatan pengangkutan akan turut berkurangan. Secara tidak langsung, ini akan mengurangkan jumlah premium insurans am di pasaran, manakala penurunan jumlah Penduduk Tiada Pendidikan (NOS) akan meningkatkan pemilikan insurans am atau meningkatkan jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE). Tahap kesedaran atau pendidikan terhadap kepentingan insurans akan meningkatkan permintaan insurans am di pasaran sebagai awasan atau tabungan.

Secara signifikan peningkatan pertumbuhan jumlah Kenderaan Berdaftar (CAR) sebanyak 1 peratus akan menurunkan pertumbuhan permintaan insurans am atau jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) sebanyak 0.354 peratus. Ini menunjukkan walaupun jumlah kenderaan yang didaftar meningkat, jumlah premium insurans am mengalami penurunan yang disebabkan nilai premium yang menurun. Walaupun, jumlah kenderaan didaftar meningkat, namun nilai kenderaan yang semakin rendah akan menurunkan nilai premium insurans am yang perlu dibayar oleh pemegang polisi insurans am.

Dari aspek produktiviti pula, secara signifikan model ini menunjukkan Nisbah Produktiviti Buruh (LPR) dan Nisbah Produktiviti Pengurusan (MPR) mempunyai hubungan positif dengan jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) di pasaran. Setiap peningkatan pertumbuhan Nisbah Produktiviti Pengurusan sebanyak 1 peratus akan meningkatkan 1.34 peratus permintaan insurans am di pasaran. Syarikat yang mempunyai tingkat produktiviti pengurusan seperti tempoh pembayaran tuntutan yang cepat dan penggunaan kos pengurusan yang produktif akan meningkatkan permintaan insurans am di pasaran yang semakin mencabar. Penggunaan teknologi maklumat serta teknik pengurusan yang sistematik dapat menjimatkan kos pengurusan dan seterusnya meningkatkan hasil syarikat dalam jangka masa panjang, manakala peningkatan produktiviti buruh melalui Nisbah Produktiviti Buruh (LPR) sebanyak 1 peratus akan turut meningkatkan jumlah Premium Insurans Am Terperoleh benar (RPRE) insurans am oleh setiap firma di pasaran sebanyak 0.114 peratus. Ini menunjukkan penjimatan kos buruh atau komisen agen insurans masih dapat meningkatkan permintaan insurans am di pasaran. Situasi ini dapat direalisasikan melalui pemberian latihan sumber manusia kepada agen insurans dan penggunaan teknologi seperti internet dapat meningkatkan hasil premium insurans am di pasaran pada tingkat kos buruh yang lebih rendah.

Cadangan kepada kajian ini ialah kerajaan mestilah meningkatkan usaha-usaha untuk meningkatkan fokus terhadap tingkat produktiviti industri insurans am dan meningkatkan pendapatan perkapita negara. Pelbagai dasar yang boleh dibuat antaranya meningkatkan pelaburan asing dan dalam negara. Bank Pusat juga mestilah bersedia untuk mengatasi pelbagai masalah kewangan dan mengawal inflasi supaya tidak berlaku kerana ia akan menjelaskan keuntungan syarikat insurans am di Malaysia. Tabungan swasta amat penting kepada sesebuah negara, ini kerana ia akan membentuk modal bagi kerajaan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar juga diambil sebagai ukuran pembangunan makroekonomi.

## RUJUKAN

- Akhter, & Rehman. (2011). Financial Performance of Pakistan Insurance Industry in Global Scenario. *Far East Journal of Psychology and Business*, 3(2).
- Bajtelsmit, V.L., & Bouzouita, R. (1998). Profit and Concentration in Commercial Automobile Insurance Lines. *Journal of Insurance*, 21: 172–182.
- Bank Negara Malaysia. (1970–2012). *Laporan Tahunan Insurans*. Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Beck, T., & Webb I. (2003). Economic, Demographic and Institutional Determinants of Life Insurance Consumption across Countries. *The World Bank Economic Review*, 17(1), 51-88.
- Brown, SP, & Peterson, RA. (1993). Latar Belakang dan Akibat Jurujual Kepuasan Kerja: Analisis Meta dan Penilaian Kesan Sebab dan Akibat. *Jurnal Penyelidikan Pemasaran* 30: 63-77.
- Cole, *et al.* (2009). Price of Knowledge What Drives Demand for Financial Services in Emerging Markets. Harvard Business School Working Paper, 09(117).
- Farrell, M. J. (1957). The Measurement of Productive Efficiency. *Journal of Royal Statistics Soc Ser A III*, 120, 253-290.
- Greene, W. H., & Segal, D. (2004). Profitability and Efficiency in the U.S. Life Insurance Industry. *Journal of Productivity Analysis*, 21(3), 229-247.
- Hwang, T., & Greenford, B. (2005). A Cross-section Analysis of the Determinants of Life Insurance Consumption in Mainland China, Hong Kong and Taiwan. *Risk Management and Insurance Review*, 8(1), 103-125.
- Rubayah, & Zaidi, I. (2008). Kesolenan dan Kecekapan Teknikal Syarikat Insurans Hayat di Malaysia. *International Journal of Molecular Sciences*: 177–197.
- Shazali, A. M., & Alias, R. (2000). Productivity and Efficiency Performance of the Malaysian Life Insurance Industry. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 34: 93–105.
- Shiu, Y. M. (2005). The Determinants of Solvency in The United Kingdom Life Insurance Market. *Applied Economics Letters*, 12(6), 339-344.
- Wong Mei Foong (2002). Life Insurance Demand in Malaysia. University Putra Malaysia Thesis. Serdang Selangor.
- Zaidi, I., & Roziana, B. (2007). Kajian Terhadap Tahap Kecekapan Syarikat Insurans Hayat Am Menggunakan Analisis Perbatasan Stokastik. *Journal of Quality Measurement and Analysis*: 111–119.

## LAMPIRAN

Jadual 1b: Peratusan Jenis Premium Insurans Am di Malaysia dari tahun 2000 hingga 2010 (%)

Tahun	MAT	ENG	FIRE	MED	MOT	LIB	EMP	MIS
2000	5.03	2.74	19.89	10.69	53.37	1.29	1.63	5.37
2001	4.52	2.90	19.49	10.51	54.59	1.43	1.65	4.91
2002	4.70	2.46	17.68	10.95	56.81	1.26	1.38	4.76
2003	4.53	2.74	17.61	10.87	56.35	1.71	1.38	4.81
2004	4.22	2.91	16.98	11.20	56.38	1.98	1.51	4.83
2005	4.82	3.62	16.03	11.64	55.77	1.93	1.54	4.65
2006	4.43	2.93	17.01	11.90	55.99	1.71	1.51	4.51
2007	4.62	2.49	16.11	12.73	55.92	1.99	1.59	4.54
2008	5.05	2.68	16.36	13.19	54.11	2.07	1.65	4.88
2009	4.93	2.56	16.09	14.26	53.52	2.11	1.67	4.87
2010	4.58	2.65	16.76	15.18	52.24	2.13	1.59	4.87

Sumber: Ubahsuai dari Laporan Tahunan Pelbagai Tahun BNM, Malaysia.